

08/09/1998

Johor desak serah tugas kepada naib

BATU PAHAT, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno Johor petang ini meminta Datuk Ahmad Zahid Hamidi menyerahkan tugasnya sebagai Ketua Pemuda kepada naib ketua pergerakan itu, Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan barisan Exconya.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat khas Pemuda Umno negeri di sini atas dasar Zahid gagal melaksanakan tugasnya dalam isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno.

Mesyuarat yang dihadiri semua 20 ketua Pemuda Umno bahagian itu dipengerusikan Ketua Pemuda Umno negeri, Hasni Mohamad, khusus membincangkan isu berkenaan dan kedudukan Zahid.

Hasni berkata, Pemuda Umno negeri membuat pendirian itu selepas mendapati Zahid tidak menterjemahkan keputusan Majlis Tertinggi (MT) memecat Anwar dalam bentuk arahan.

"Menyedari Zahid sudah bersetuju pada mesyuarat MT yang memutuskan pemecatan Anwar, tetapi tidak diterjemahkan kepada arahan, maka beliau gagal sebagai Ketua Pemuda Umno.

"Kami secara bersama mengambil ketetapan meminta Ketua Pemuda Umno yang dari kaca mata Pemuda Umno Johor gagal jalankan tugas berdasarkan prinsip parti supaya menyerahkan tugas itu kepada Naib Ketua Pemuda dan Exco yang bersedia jalankan tanggungjawab itu," katanya.

Hasni menjelaskan, Pemuda Umno negeri membuat penilaian itu berasaskan penjelasan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pemecatan Anwar diputuskan sebulat suara oleh MT.

"Ini bermakna keputusan itu dibuat sebulat suara termasuk Zahid.

"Jadi, memikrkan isu ini memerlukan keutamaan, kita rasa Ketua Pemuda telah gagal apabila tidak mengeluarkan sebarang arahan," katanya.

Sebelum ini, dua pergerakan pemuda Umno negeri, Wilayah Persekutuan dan Kelantan sudah membuat keputusan agar Zahid berundur secara terhormat daripada jawatannya.

Hasni ditanya sama ada Pemuda Umno Johor meminta Zahid meletakkan jawatan, berkata: "Kami tidak boleh berbuat demikian kerana Ketua Pemuda dipilih melalui perhimpunan agung.

"Saya rasa Pemuda Umno memahami hasrat kami."

Mesyuarat khas itu turut memutuskan tindakan tegas diambil terhadap Exco pergerakan itu yang gagal atau ingkar menjalankan arahan berkenaan.

(END)